

Dr M beri keterangan polis

LANGKAWI: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam mengakui ada pihak bertelagah untuk membawanya menaiki kenderaan mereka ketika menyambut ketibaan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Jumaat lalu.

Sambil mengatakan kejadian itu tidak sepatutnya berlaku, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau akan memberi keterangan sepenuhnya kepada polis mengenai kejadian itu.

"Rancangan ini (majlis) dibuat oleh satu puak. Satu puak lain cuma datang kemudian dan

puak ini ada tanda-tanda mempunyai hubungan rapat dengan tokoh tertentu di Kelantan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat dan merasmikan kedai rotinya, The Loaf, di Pantai Kok, di sini, semalam, Dr Mahathir tetap mendakwa kejadian itu dirancang pihak tertentu untuk menggagalkan ucapannya di Kelantan.

"Kejadian itu menakutkan dan saya tidak boleh bernafas untuk seketika," katanya menceritakan pengalaman berhubung kekecohan itu.